

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 17 APRIL 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP. Buat pertama kalinya, teks senamrobik saya tidak mempunyai bahagian Bahasa Inggeris. Sememangnya terasa sedikit kelainan tetapi seperti yang saya katakan pada senamrobik yang lepas, kita perlu memartabatkan Bahasa Melayu dan salah satu caranya adalah dengan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya.
2. Saya menyimpan hasrat untuk menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya walaupun dalam majlis tersebut antarbangsa suatu hari nanti. Cuma di kala ini perkara tersebut masih belum boleh dilaksanakan. Tetapi saya percaya, keinginan kita untuk memartabatkan Bahasa Melayu sehingga keperingkat antarabangsa akan menjadi kenyataan. InsyaAllah.

### **LAWATAN KERJA KE POLAND ,JERMAN DAN LONDON**

3. Alhamdulillah, di kesempatan ini saya ingin berkongsi tentang kejayaan yang kita perolehi sempena lawatan kerja saya Poland, Jerman dan London baru-baru ini, di mana Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah dinobatkan sebagai “Best Enterprise” manakala saya sendiri dinobatkan

sebagai “Best Manager” oleh European Business Assembly (EBA), bersempena Summit of Leaders 2013 di ibu pejabat British Institute of Directors, London.

4. Pengiktirafan tersebut menjadikan UniMAP sebagai institusi akademik pertama dan saya sebagai Naib Canselor pertama universiti Malaysia yang menerima anugerah itu dari EBA.
5. Kejayaan ini telah berjaya membuka mata masyarakat antarabangsa dan ianya bukanlah kejayaan individu, tetapi diperolehi hasil dari kerja keras dan kesungguhan kita bersama dalam menaikkan nama UniMAP yang kita sayangi. Setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga UniMAP, sila berikan tepukan gemuruh untuk diri kita semua.
6. Saya berasa bersyukur kerana hasil penat lelah kita selama ini diiktiraf bukan sahaja di Asia malahan juga di Eropah dan kita akan berusaha lebih keras bagi mencapai cita-cita dalam menjadikan UniMAP antara 500 universiti terbaik dunia menjelang 2020.
7. Untuk makluman, pemilihan bagi penerima anugerah ini dilakukan secara analisis dari sumber terbuka dan pencalonan daripada ahli jawatankuasa yang dibentuk dari institusi pendidikan, industri dan pusat penyelidikan dari beberapa negara seperti Austria, Belgium, Jerman, Republic Czech, Switzerland dan banyak lagi.
8. Untuk rekod, antara penerima anugerah EBA terdahulu yang datangnya dari Malaysia adalah Datuk Dr Abd Latif Mohmod (Ketua Pengarah FRIM) tahun 2011, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Tan Sri Hamad Kama Piah (PNB) tahun 2012.

Hadirin sekalian,

9. Pada lawatan kerja itu juga kita menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniMAP dan AGH-US, Poland.
10. Kedua-dua pihak telah bersetuju bagi menjalinkan kerjasama strategik di mana para penyelidik-penyalidik muda UniMAP akan berpeluang mengikuti Program UNESCO Chair Fellowship di AGH University of Science and Technology (AGH-UST), Poland. MoU ini akan membuka ruang kepada program mobiliti staf dan pelajar kdua-dua pihak untuk saling bertukar antara UniMAP dan AGH-UST.
11. Ini merupakan salah satu pendedahan awal secara langsung kepada teknologi luar buat penyelidik-penyalidik muda UniMAP yang akan berkampung di sana selama enam bulan seperti yang kita praktikkan sebelum ini. Kita akan mengenalpasti penyelidik serta pensyarah dalam bidang yang bersesuaian untuk dihantar berkursus serta menyambung pengajian dalam bidang Phd.
12. Sebelum itu, kita turut mengadakan perbincangan bersama BOYM Universities Consortium bagi penganjuran bersama satu simposium bagi membolehkan pelajar dan staf dari kedua-dua pihak untuk membentangkan hasil kajian kedua-dua negara.
13. Pihak BOYM telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi simposium kali pertama nanti dan ianya akan diadakan di University of Information Technology and Management, Poland.  
Saya percaya simposium ini akan menjadi satu platform yang baik bagi pelajar dan staf dari kedua-dua pihak untuk membentangkan hasil kajian dan penemuan baru selain dapat berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing.

14. BOYM Universities Consortium merupakan gabungan lima buah universiti di Poland yang terdiri dari Kozminski University, University of Information Technology and Management, Tischner European University, Technical University of Lodz dan University of Physical Education.

Hadirin sekalian

### **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

#### **Malaysia International Robot Competition (MIRoC)**

15. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan MIRoC 2013 UniMAP yang telah berjaya mengekalkan kejuaraan tahun lalu apabila muncul juara keseluruhan pada Malaysia International Robot Competition (MIRoC) 2013, di Kampus Induk UniMAP baru-baru ini. Tidak lupa juga kepada semua jawatankuasa yang selama ini turut bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran program ini berlangsung. Berikan tepukan gemuruh kepada pemenang dan juga jawatankuasa MIRoC 2013.

### **MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG**

#### **THE 4<sup>th</sup> INTERNATIONAL ENGINEERING INVENTION & INNOVATION EXHIBITION (I-ENVEX 2013)**

16. Hari ini telah bermula The 4<sup>th</sup> International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX 2013) dan saya difahamkan pada pengajuran kali ini kita mendapat penyertaan dari 14 buah negara iaitu Canada, Mesir, Romania, United Arab Emirates (UAE), Iraq, Iran, Croatia, Cambodia, India, Bangladesh, Korea, Taiwan, Indonesia, Filipina termasuklah Malaysia. Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Pro Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Hajah

Lailatul Shahreen Akashah dijangka akan bercemar duli berangkat hadir ke majlis ini. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar i-ENVEK 2013 kali ini akan berlangsung dengan lancar, InsyaAllah.

## **PENUTUP**

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya membacakan serangkap pantun:-

***Di Malam Hari Memasang Pelita  
Pelita Menjadi Penerang Di Taman  
Terbukti Sudah Kemampuan Kita  
Anugerah Terbaik Dalam Genggaman***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.